

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH:11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sabah disahkan selamat ancaman taufan Haiyan	Utusan Malaysia
2.	Amaran angin kencang, laut bergelora di Sabah	Kosmo
3.	Haiyan gives Sabah a miss	New Straits Times
4.	Sambutan Minggu Angkasa Sedunia	Utusan Malaysia
5.	Kepentingan undang-undang angkasa	Utusan Malaysia
6.	World Innovation Forum Kuala Lumpur	The Sun

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8
TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

Sabah disahkan selamat ancaman taufan Haiyan

KOTA KINABALU 10 Nov. - Meskipun Sabah disahkan selamat daripada sebarang ancaman taufan Haiyan yang melanda tengah negara Filipina baru-baru ini, nelayan di negeri ini dinasihatkan untuk terus berwaspada.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Malik Tussin berkata, biarpun taufan membawa kelajuan angin mencecah 300 kilometer sejam itu telah melepasi laluan negeri ini dua hari lalu, sikap berwaspada dan mengambil berat berhubung berita terkini perlu ada dalam kalangan nelayan.

Katanya, kesan daripada taufan tersebut terhadap negeri ini hanya melibatkan hujan lebat di beberapa kawasan tepi pantai, selain menyebabkan air laut bergelora.

Menurutnya, taufan Haiyan kini bergerak menuju ke Vietnam selepas membadai Filipina.

"Masyarakat di negeri ini tidak perlu risau mengenainya kerana semua berada dalam keadaan terkawal.

"Meskipun begitu, saya ingin mengingatkan nelayan agar lebih berhati-hati dan tidak turun ke laut memandangkan kesannya masih boleh dirasai dengan keadaan laut yang bergelora," katanya yang dihubungi di sini hari ini.

Taufan Haiyan kelmarin dikesan melalui negeri ini di Timur Laut Sandakan pada pukul 11 pagi dan bergerak ke arah barat dengan anggaran kelajuan 35 kilometer sejam.

Mengulas lanjut, Malik berkata, amaran laut bergelora di tahap kedua iaitu setinggi 4.5 meter akan berterusan sehingga Selasa ini tetapi tidak akan membahayakan keadaan di negeri ini.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO: MUKA SURAT 2 & 63
TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)**

Amaran angin kencang, laut bergelora di Sabah

KUALA LUMPUR - Jabatan Meteorologi mengingatkan orang ramai yang menjalani aktiviti di laut seperti nelayan, syarikat perkapalan dan pekerja pelantar minyak di perairan Pantai Barat Kudat dan Sandakan, Sabah supaya berhati-hati dengan tiupan angin kencang dan laut bergelora.

Menurut kenyataan jabatan itu semalam, amaran kategori ketiga itu dikeluarkan setelah pihaknya mera-

malkan angin kencang bertiup melebihi 60 kilometer sejam dan laut bergelora melebihi ketinggian 5.5 meter sehingga Selasa ini ekoran Taufan Haiyan yang mepadai bahagian tengah Filipina kelmarin.

Taufan itu telah menyebabkan berlaku tiupan angin kencang dan laut bergelora di perairan Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

"Taufan tersebut berada pada ke-

dudukan kira-kira 207 kilometer ke tenggara Da Nang, Vietnam dan 1,478 kilometer dari arah barat laut Kudat, Sabah pada pukul 2 petang ini (semalam).

"Taufan berkenaan sedang bergerak merentasi Laut China Selatan ke barat laut Vietnam dengan anggaran kelajuan 30 kilometer sejam," katanya di sini semalam.

Amaran kategori kedua turut dikeluarkan di kawasan perairan Wi-

layah Persekutuan Labuan dan Sarawak (Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri), manakala amaran kategori pertama dikeluarkan bagi kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor (timur), Sarawak (Kuching dan Limbang) dan Sabah Pedalaman dan Tawau.

Menurutnya lagi, semua amaran angin kencang dan laut bergelora di kawasan-kawasan berkenaan dijangka berterusan sehingga hari Selasa ini.

Haiyan gives Sabah a miss

CLOSE SHAVE: Authorities maintaining high seas alert as typhoon heads for Vietnam

**ROY GOH
AND FAZLEENA AZIZ**
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

MALAYSIANS can breathe a sigh of relief as Typhoon Haiyan diverts its path from Malaysia.

Although the typhoon is headed north for Vietnam, the Meteorological Department has maintained its high seas warning in Sabah.

Rough seas with waves of up to 7.5m are expected in the South China Sea and Sulu Sea, off Kudat.

The department will also maintain its warning for ships and fishing vessels until tomorrow.

Typhoon Haiyan passed near the state two days ago as it headed north for Palawan island in southern Philippines.

Strong winds and rough sea conditions were expected to continue until tomorrow, said the depart-

ment's weather forecast centre director, Muhammad Helmi Abdullah.

The shores of Sabah and Sarawak reportedly experienced rough sea conditions and strong winds when the typhoon was moving 1,362km northwest of Kudat at an estimated speed of 30kph.

Strong southwesterly winds of more than 60kph with huge waves measuring 5.5m are expected in the waters off Sabah (west coast, Kudat and Sandakan) until tomorrow.

Helmi said the department would maintain a category-three typhoon warning until tomorrow.

"By morning (today), the typhoon would have landed in Vietnam.

"The sea and wind conditions would change. The affected areas would return to normal.

"Warnings issued for Kelantan, Terengganu, Pahang, east Johor, Sarawak, Sabah and Labuan will be maintained until tomorrow."

The Sulu and South China Seas



Residents walking past damaged houses and bodies in Tacloban, Leyte island, in Philippines, yesterday. More than 10,000 people are believed to be killed after Typhoon Haiyan struck on Friday. AFP pic

are still experiencing strong winds and rough sea conditions.

"These conditions are dangerous for shipping and coastal activities, including fishing and ferry services," Helmi said, adding that no incidents had been reported so far.

Jimbo Julsali of Pulau Banggi, near Kudat, said rough seas and downpour in the past two days had kept villagers alert.


"On Friday night, it rained heavily for 15 to 20 minutes and continued until Saturday morning. We are used to rough weather but it's

different with the typhoon hitting the Philippines."

Fisherman Hamat Asmal said most residents planned to take refuge in a nearby hospital if the storm hit their shores.

"It's better to be ready than to be caught off-guard."

KERATAN AKHBAR
 UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 21
 TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)



PARA peserta turut dinilai berdasarkan kreativiti persembahan dalam Cabaran Angkasa Peringkat Kebangsaan Trofi Piala Perdana Menteri 2013 di Planetarium Negara.

Oleh NOOR DIANA AZIS
 Gambar MOHD. AZIM RAHMAN

SETIAP tahun khususnya pada bulan Oktober, Planetarium Negara akan menganjurkan pelbagai program menarik bersempena sambutan Minggu Angkasa Sedunia yang mana merupakan sambutan di peringkat antarabangsa dalam bidang sains dan teknologi.

Tarikh 4 hingga 10 Oktober dipilih sebagai minggu sambutan berikutan persefahaman yang dicapai pada persidangan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 1999.

Permulaan minggu sambutan pada 4 Oktober adalah sebagai memperingati tarikh kejayaan manusia meneroka angkasa dengan pelancaran Sputnik 1. Sementara 10 Oktober pula merupakan tarikh



AZREENA AHMAD

Sambutan Minggu Angkasa Sedunia

Pelajar berpeluang mengenali dunia angkasa

tandatangan triti angkasa lepas.

Pelbagai program menarik telah dianjurkan Agensi Angkasa Negara (Angkasa) bersempena sambutan minggu tersebut terutamanya yang melibatkan penyertaan daripada sekolah rendah seluruh negara.

Sebagai contoh, Sekolah Kebangsaan St Francis, Melaka telah dinobatkan sebagai johan bagi acara National Space Challenge ke-16, Piala Perdana Menteri

mengalahkan empat buah sekolah lain selain memenangi kategori terbaik Pertunjukkan Sains Angkasa dengan membawa pulang teleskop StarMax 127EQ Maksutov, sijil dan plak.

Program kerjasama Kementerian Pelajaran itu juga turut disertai oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Han Chiang, Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Puteri, Negeri Sembilan, Sekolah Kebangsaan St George (1), Perak,

dan Sekolah Kebangsaan Convent (2), Selangor.

Selain itu, Angkasa turut mengadakan program lintas langsung telekomunikasi bersama Pusat Kawalan Misi (MCC) yang disertai kira-kira 80 peserta yang terdiri daripada para pelajar dan guru serta orang awam.

Program yang berlangsung selama 30 minit itu bermula pada pukul 4.15 petang menggunakan aplikasi Google Hangout untuk berkomunikasi bersama pegawai MCC, Joshua Nelson yang kini berada di Innsbruck, Austria.

Acara kemuncak bagi sambutan minggu angkasa ini adalah peluang berkomunikasi dengan Angkasa Agensi Angkasa Eropah (ESA), Luca Parmitano menggunakan fasiliti Amatir Radio yang terdapat di bangunan Mikrosatelit, Planetarium.

Parmitano, 38, yang kini berada di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), merupakan angkasawan Itali pertama yang menjalankan spacewalk Extra-vehicular (EVA) keluar daripada ISS.

Semasa menjalankan EVA, beliau berpeluang menaiki Mobile Servicing System untuk memasangkan beberapa radiator 'grapple bars' sebelum diterbangkan pada misi SpaceX CRS-2.

Menurut Pengarah Planetarium Negara, Azreena Ahmad, program sebegini akan diteruskan setiap tahun dalam usaha memupuk minat terutama golongan pelajar sekolah rendah dalam dunia sains angkasa.

"Setiap tahun Planetarium akan dianjurkan pelbagai aktiviti menarik khususnya berkaitan dengan sains angkasa yang memperlihatkan penyertaan dari pelajar sekolah rendah seluruh negara.

"Dengan adanya aktiviti seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka mengenali lebih dekat dunia sains angkasa di samping memberi idea mengenai dunia asing itu," katanya.



SK ST FRANCIS Melaka dinobatkan sebagai johan dalam Cabaran Angkasa Peringkat Kebangsaan Trofi Piala Perdana Menteri 2013.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 8
TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

> MegaSains

Kepentingan undang-undang angkasa

Memahami dan memanfaatkan kepentingan peraturan antarabangsa

Siri VI

SIRI akhir ini menyentuh mengenai undang-undang angkasa yang jarang mendapat perhatian.

Pembaca yang ingin menyertai kuiz ini perlu menjawab soalan berdasarkan artikel yang disertakan.

Oleh MD. AZEZI HUSAIN

UMUMNYA, masyarakat amat sinonim dengan undang-undang keselamatan, jalan raya atau pun peraturan yang melibatkan hak individu, pengguna, pekerja, syarikat dan sebagainya. Aspek angkasa juga mempunyai undang-undang tersendiri yang perlu diketahui dan difahami.

Penerokaan dan penggunaan ruang angkasa lepas tidak dapat dielakkan sehingga mengundang kepada permasalahan perundangan tertentu, sekali gus mewujudkan keperluan kepada penubuhan suatu perundangan untuk menangani isu-isu berkaitan.

Penerokaan ruang angkasa lepas oleh manusia dengan kewujudan bidang sains dan teknologi yang semakin maju seiring dengan perkembangan saintifik dan teknikal yang pesat memerlukan kepada suatu keperluan undang-undang yang dapat mengawal kesan dan akibat daripada penemuan dan eksploitasi di dalam perkara-perkara berikut iaitu:

- Kedaulatan sesebuah negara.
- Persempadanan sesebuah negara.
- Kerjasama dalam penggunaan ruang angkasa lepas.
- Penggunaan orbit Bumi.

Prinsip am

Sejak tahun 1957, apabila ruang angkasa lepas mula ditawan oleh satelit buatan manusia yang pertama iaitu Sputnik 1, undang-undang antarabangsa memainkan peranan penting di dalam

menjaga perkembangan pesat teknologi ruang angkasa lepas dan mewujudkan satu asas pengetahuan disiplin baru yang dikenali sebagai Undang-undang Angkasa. Undang-undang tersebut adalah satu cabang undang-undang yang merangkumi undang-undang di dalam negara dan juga antarabangsa berkenaan aktiviti-aktiviti angkasa lepas.

Kronologi Pasca Perang-Dingin iaitu semasa era perlumbaan penjelajahan ruang angkasa:

- USSR: Sputnik 1, 1957.
- Yuri Gagarin, 1961.
- USA: Neil Armstrong 1969.

Undang-undang angkasa ditakrifkan sebagai satu set undang-undang antarabangsa dan undang-undang yang mengawal hubungan sesebuah negara dengan satu sama lain dan dengan organisasi antarabangsa dan hubungan rakyat dengan organisasi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penerokaan ruang angkasa lepas.

Pembangunan

Bilakah Fasa Pertama zaman angkasa lepas? Fasa tersebut bermula dengan pelancaran Sputnik 1 pada tahun 1957 dan telah dipercirikan oleh aktiviti-aktiviti penerokaan kuasa-kuasa besar yang bertujuan untuk mencari prestij dan penguasaan di Bumi.

Program-program angkasa lepas Amerika Syarikat (AS) dan Soviet Union (ketika itu) adalah berdasarkan kepada premis bahawasanya penerokaan angkasa lepas merupakan satu persaingan yang utama dimana ganjaran utamanya adalah untuk memiliki prestij politik di Bumi.

Dalam tempoh tersebut undang-undang angkasa berpusat di sekeliling topik dan isu-isu undang-undang antarabangsa.

Dipengaruhi oleh konteks politik perang dingin, undang-undang angkasa antarabangsa telah diwujudkan melalui pencarian ke arah konsensus minimum di antara kuasa-kuasa besar dunia dimana keutamaannya bertumpu kepada

pengawasan penerokaan angkasa lepas untuk tujuan keamanan.

Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan penting di dalam pembangunan undang-undang angkasa pada peringkat pertama kalinya ini.

Pada tahun 1958, Perhimpunan Agung PBB (UNGA) telah mewujudkan satu jawatankuasa dinamakan *Committee on the Peaceful Uses of Outer Space* (COPUOS), yang mana Undang-undang Angkasa Antarabangsa akan dibincangkan dan direkodkan. COPUOS telah dibahagikan kepada dua jawatankuasa kecil:

- Jawatankuasa Kecil Undang-undang.
- Jawatankuasa Kecil Sains dan Teknikal.


COPUOS telah menjadi forum utama bagi perbincangan dan perundingan mengenai perjanjian antarabangsa yang berkaitan dengan angkasa lepas.

Susulan daripada program-program yang diwujudkan itu, undang-undang ruang angkasa (iaitu melalui COPUOS) lima konvensyen/triti angkasa antarabangsa telah dikeluarkan/diperkenalkan.

Walaupun, tidak meliputi setiap satu isu di dalam undang-undang angkasa lepas, namun ia telah menjadi titik tolak rujukan formal dan yang boleh dipercayai di dalam bidang ini.

Malah, memberikan asas yang baik dan sesuai untuk kemajuan di dalam undang-undang ruang angkasa dan telah menjadi peranan yang amat penting dalam secara teratur dan berskala menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti utama ruang angkasa sehingga kini.

Status setiap satu daripada lima konvensyen dan perjanjian di bawah setakat 1 Januari 2009 akan cuba diperjelaskan di sini:



SEMUA negara yang melancarkan objek ke angkasa perlu memaklumkan kepada PBB.

1 Perjanjian angkasa lepas
Treaty on Principles Governing the Activities of States in the Exploration and Use of Outer Space, including the Moon and Other Celestial Bodies telah diterima pakai oleh UNGA pada tahun 1966.

Perjanjian ini telah disahkan oleh sembilan puluh sembilan negara dan telah menerima 26 tandatangan.

Menurut perjanjian ini, mana-mana objek yang membawa bahan nuklear atau apa-apa jenis senjata pemusnah besar-besaran ataupun yang seumpama dengannya tidak boleh diletakkan di orbit sekitar Bumi atau yang mengelilingi Bumi.

2 Perjanjian menyelamatkan
Agreement on the Rescue of Astronauts, the Return of Astronauts and the Return of Objects Launched into Outer Space telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB pada tahun 1967.

Ia telah disahkan oleh 90 negara dan ditandatangani oleh 24 negara manakala dua negara telah menerima atau memperakui hak dan tanggungjawabnya.

Ia telah menguatkuasakan kewajipan negara-negara untuk memberikan

SAMBUNGAN... KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 9 TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)



bantuan dalam operasi-operasi mencari dan menyelamatkan dan mengembalikan dengan selamat dan segera angkasa lepas atau mana-mana objek angkasa lepas.

3 Konvensyen liabiliti

Convention on International Liability for Damage Caused by Space Objects telah diterima pakai pada tahun 1971.

Konvensyen ini memastikan mana-mana negara yang telah melancarkan *Space Objects* bertanggungjawab untuk membayar pampasan bagi apa-apa kerosakan akibat daripada aktiviti-aktiviti angkasa oleh negara terbabit.

Dalam erti kata lain, negara tersebut mesti menanggung suatu tanggungjawab antarabangsa ke atas *Space Object* yang telah dilancarkan ke ruang angkasa di dalam wilayah mereka.

Konvensyen ini telah disahkan oleh 87 negara dan ditandatangani oleh 23 negara manakala tiga negara telah menerima/memperakui hak dan tanggungjawabnya.

4 Konvensyen Pendaftaran

Diterima pakai pada tahun 1975, *'Convention on Registration of Objects Launched into Outer Space'* memberi tumpuan kepada penubuhan pendaftaran negara dengan negara-negara anggota untuk objek-objek yang dilancarkan ke angkasa lepas.

Dalam erti kata lain, kesemua negara yang melancarkan objek ke angkasa lepas bertanggungjawab untuk memberikan maklumat-maklumat di bawah kepada Setiausaha Agung PBB dengan secepat mungkin:

- Nama Negara pelancaran.
- Satu pereka bentuk yang bersesuaian ke atas objek angkasa atau nombor pendaftaran.
- Tarikh dan wilayah atau lokasi pelancaran.
- Parameter asas orbit termasuk nodal period, kecenderungan orbit, *object's apogee dan perigee*.
- Fungsi asas objek angkasa.

Konvensyen ini telah mewajibkan negara-negara anggota untuk mengekalkan kuasa dan kawalan ke atas *space object* ketika mana berada di angkasa lepas. Lima puluh satu buah negara telah mengesahkan konvensyen

ini manakala empat negara telah menandatangani dan dua yang lain telah menerima/memperakui hak dan tanggungjawabnya.

5 Perjanjian Bulan

Moon Treaty adalah perjanjian PBB yang terakhir berkenaan angkasa lepas setakat ini. *Agreement Governing the Activities of States on the Moon and Other Celestial Bodies* telah diterima pakai pada tahun 1979.

Sejak itu, 13 buah negara telah mengesahkan perjanjian ini manakala hanya empat telah menandatangani. Kebebasan penerokaan saintifik di Bulan sebagai 'wilayah' bagi semua manusia dan tiada had kebebasan untuk mengeksploitasi alam semula jadinya.

■ Pembangunan modal insan

i. Pendidikan didalam undang-undang angkasa akan meningkatkan kesedaran akademik dan orang awam yang akan meningkatkan pemahaman semua bangsa dan entiti mengenai hak orang ramai untuk menggunakan angkasa lepas secara aman.

ii. Ianya juga akan menggalakkan kerjasama serantau ke arah pendidikan Undang-undang Angkasa dan teknologi angkasa lepas dimana ianya amat perlu bagi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang mampan.

iii. Walau bagaimanapun, pendidikan Undang-undang Angkasa tidak diambil berat oleh kebanyakan negara, usaha-usaha ke arah pengenalan Undang-undang Angkasa secara terperinci.

iv. Adalah amat penting kesemua negara maju serta negara membangun bekerjasama didalam program pendidikan Undang-undang Angkasa di peringkat asas, pertengahan dan lanjutan.

v. Peruntukan pengetahuan berkenaan ruang angkasa di dalam kedua-dua konteks teknologi dan undang-undang akan membolehkan sesebuah negara terbahit memenuhi keperluan negaranya dan negara serantau dan ini akan membolehkan negara yang berkenaan memperolehi cara-cara yang diperlukan bagi pembangunan yang mampan.



Soalan dwimingguan

SOALAN 1: Yang manakah merupakan salah satu Pasca Perang-Dingin penjelajahan ruang angkasa?

- A) USSR: Sputnik 1, 1957
- B) New York, 1966
- C) Vienna, 1971

JAWAPAN: _____

SOALAN 2: Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu ditubuhkan berdasarkan keperluan kepada cabang ilmu ini Undang-undang angkasa di dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penerokaan ruang angkasa lepas.

- A) Betul
- B) Salah

JAWAPAN: _____

* (Tarikh tutup penghantaran borang 15 November 2013)

Soalan terkumpul

(Jangan hantar dulu, tunggu hingga siri VI)

SOALAN: Berikan lima konvensyen dan perjanjian yang telah dipertemaskini sehingga 1 Januari 2009:

JAWAPAN: _____

■ Keamanan dan keadilan

i. Keperluan kepada pendidikan bahawasanya ruang angkasa lepas hanya untuk kegunaan keamanan adalah amat perlu diterapkan didalam sistem pendidikan sesebuah negara maju, juga di negara membangun.

ii. Semasa kursus-kursus Undang-undang Angkasa diadakan, hendaklah dianalisis bawasanya keamanan tanpa keadilan akan membawa kepada konflik dan gangguan kepada integriti politik dan wilayah sesebuah negara serta gangguan antarabangsa yang lain.

■ Keselamatan.

i. Penerapan pembelajaran berkenaan undang-undang yang sedia ada ke atas setiap rakyat dan juga penerapan perasaan kasih serta tanggungjawab setiap individu ke atas keselamatan negara adalah satu kaedah yang amat berkesan bagi menangkis sebarang ancaman tentera dan bukan tentera.

ii. Trend berbahaya seperti ini akan menghadkan skop penggunaan angkasa lepas secara aman. Pendidikan harus dilihat sebagai langkah pencegahan terhadap ketidaksamaan dalam konteks keselamatan kolektif.

• Penulis adalah Pengarah Undang-Undang dan Pengurusan Risiko ATSB

Kuiz Aplikasi Satelit 2013

Hadiah Utama
Baucer premium BSN bernilai RM1,000
Iphone
Notebook

Hadiah saghati
Baucer premium BSN bernilai RM300
untuk 12 pemenang

Hadiah Mingguan
Baucer premium BSN RM100 untuk 102 pemenang

Cara Menyertai Peraduan >>

Untuk soalan dwimingguan:

- a) Dua soalan objektif disediakan berdasarkan artikel.
- b) Jawapan yang betul dan pemenang akan dipilih secara rawak.

Untuk soalan terkumpul:

- a) Satu soalan disediakan setiap dua minggu

Nama (seperti dalam kad pengenalan)

Alamat Rumah

Negeri Poskod

No. Kad Pengenalan

Pekerjaan

No. Telefon (Bimbit)

KERATAN AKHBAR
 THE SUN (SPEAK UP) : MUKA SURAT 10
 TARIKH: 11 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

CONFERENCE & EXPOSITION



WIF KL

WORLD INNOVATION FORUM
 KUALA LUMPUR

THE FUTURE WE DESIRE

HEADLINE SPEAKERS



Göran Persson
 Former Prime Minister of
 Sweden



Mark Gallagher
 Grand Prix Motor Racing
 Boss



Sugata Mitra
 Global Education Superstar



Morinosuke Kawaguchi
 Innovation & Competitive
 Strategy Consultant

FORUM

The World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL) is the region's premier annual event on innovation that aspires to create a new culture of innovation, and is to be held at the epicenter of economic growth, emerging technologies and innovation in Asia, Kuala Lumpur. The event runs over three days and consists of conference, exhibition and award ceremony. The event brings together innovation leaders, policy makers, industry players, thinkers and innovators from around the world to share ideas and discusses issues related to innovation. The forum was an ideal platform for high-level stakeholders to share on experiences, as well as discuss and deliberate on issues and strategies for inclusive innovations.

EXPOSITION

The WIF-KL 2013 Exposition is a world class exposition covering the entire cycle of innovation which include grassroots, education, commercialization and integration of innovation to propel the region toward high-income, advanced economy nation.

12-14 NOV 2013 KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE

CALL 03-2035 5777



**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH:10 NOVEMBER 2013 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	1001 kehebatan tamadun Islam	Metro Ahad
2.	Laut bergelora: 3,600 Nelayan Kelantan Dinasihati Tidak Ke Laut	Bernamea.com
3.	Sabah fishermen spared Super Typhoon Haiyan's wrath	The Star
4.	Terengganu set up more relief centres to deal with floods	The Star
5.	Typhoon coming over here	New Sunday Times
6.	Angin kencang, laut gelora berterusan	Berita Harian
7.	A money-spinner in our backyard	The Star
8.	Budget boost for bioeconomy	The Star

1001 kehebatan tamadun Islam

■ Pameran sajian ciptaan mengagumkan hasil kreativiti cendekiawan Islam merentasi pelbagai benua

Oleh ANIZA ZAINUDIN
 anizazainudin@mediapri-
 ma.com.my

Tarian lincah burung merak di atas bumbung tandu membuatkan 'telurnya' jatuh bergolek ke dalam mulut si burung helang, sebelum ia persembahkan kepada naga merah.

Satu daripada dua ekor naga bergayut berhampiran si pencatat minit itu bertindak memasukkan telur ke dalam belanga tembaga terletak di sisi lelaki yang 'menunggang' gajah.

Penunggang gajah menggoyangkan kedua-dua batang besi di tangannya. Satu kitaran lengkap itu menunjukkan masa 30 minit sudah berlalu dan proses berlaku dengan kekerapan berkenaan berfungsi sebagai jam kepada masyarakat dulu kala.

Ciptaan hebat jurutera Muslim kelahiran Turki, Badi al-Zaman Abu al-'Izz Isma'il ibn al-Razzaz al-Jazari atau lebih terkenal dengan al-Jazari dipanggil jam gajah direka sekitar 1206 Masihi, iaitu 84 tahun lebih awal ber-



banding ciptaan jam mekanikal ketika era Renaissance di Eropah.

Tatkala masyarakat Barat melalui zaman kegelapan yang merujuk kepada era kejatuhan empayar Rom Barat dan kebangkitan semula Eropah, tamadun Islam pula

mengalami kegemilangan dengan pelbagai ciptaan inovasi, pendidikan dan kreativiti hasil eksperimen ahli saintifik tegar.

Tempoh masa 452 tahun berjaya dimanfaatkan orang Islam dengan pelbagai ciptaan hebat yang menjadi asas teknologi moden hari ini. Manakala masyarakat Eropah hanya berjaya 'mencuri' hasil kajian tamadun Islam pada 1096 Masihi sewaktu perang salib pertama terçetus.

Kebebaran terungkuai dan rasa kagum dengan kehebatan saintis serta cendekiawan Islam terçetus sebaik penulis masuk ke pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim yang berlangsung di Pusat Sains Negara sejak 31 Ogos lalu hingga 28 Februari 2014.

Pameran merangkumi bidang kejuruteraan, matematik, perubatan, seni bina, astronomi dan geografi menyajikan ciptaan mengagumkan hasil kreativiti cendekiawan Islam merentasi pelbagai benua dari Sepanyol di benua Eropah hingga ke China.

Pameran bertaraf antarabangsa dari United Kingdom ini dibawa khas oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi Pusat Sains Negara dengan kerjasama


Science Discoveries Sdn Bhd turut menerima sokongan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Pengarah Operasi, Science Discoveries Sdn Bhd, David Oh berkata Malaysia menjadi negara pertama di rantau Asia Pasifik bagi penganjuran pameran ini selama tiga tahun.

"Pameran ini diiktiraf sebagai 'The World's Best Touring Exhibition' menerusi Anugerah Kecemerlangan Warisan dan Muzium 2011 dan mendapat sambutan menggalakkan di London, New York, Doha, Istanbul dan beberapa bandar besar lain.

"Bagi menarik perhatian pengunjung terutama golongan muda, pameran menyediakan 60 bahan pameran berbentuk interaktif, video, panel maklumat dan replika artifak di lima zon utama iaitu alam semesta, hospital, kejuruteraan, sekolah dan dunia.

"Sejak pameran ini dibuka, kita menerima hampir 11,000 pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, antaranya pelajar sekolah sama ada pra-sekolah, sekolah rendah mahupun menengah serta orang ramai," katanya ketika ditemui.




PENYAMAN
 udara tradisional
 dijumpai
 di Herat,
 Afghanistan.




JAM gajah rekaan al-Jazari yang menjadi asas jam moden hari ini.

SAMBUNGAN... METRO AHAD (RENCANA) : MUKA SURAT 46 TARIKH: 10 NOVEMBER 2013 (AHAD)



JAM kuasa air ciptaan al-Jazari




REPLIKA Abbas ibn Firnas yang menjadi peneroka awal penerbangan pada abad ke-9.




HASIL kajian Ibn al-Haytham mengenai cahaya dan penglihatan.



SISTEM angka moden berasal daripada angka Arab hasil inspirasi sistem angka India purba.



PERALATAN pembedahan yang direka doktor perubatan Islam, al-Zahrawi.



PROSEDUR pembedahan pada zaman Tamadun Islam.

Sebaik melangkah masuk ke pameran, pengunjung di-sajikan tayangan video selama lima minit memaparkan persepsi masyarakat Barat mengenai zaman kegelapan turut dialami negara Islam, sedangkan ia sebaliknya.

Meskipun saiz pameran tidak terlalu besar, dekorasi tersusun lengkap dengan replika, video dan maklumat beraja membuatkan pengunjung 'berhenti' untuk menyaksikannya lebih dekat.

Peralatan pembedahan moden hari ini sebenarnya mengalami sedikit evolusi daripada peralatan yang dihasilkan pakar bedah Muslim, al-Zahrawi dari Cordoba, Sepanyol, antaranya pisau bedah, gergaji, pengikis, gerudi dan forsep pada abad ke-10.

Dikenali masyarakat Barat sebagai Albucaasis, al-Zahrawi berjaya memperkenalkan lebih daripada 200 alat pembedahan bagi merawat penyakit tulang, ketumbuhan, batu karang, luka serta proses kelahiran.

Lebih menarik lagi, al-Zahrawi adalah individu pertama menggunakan tali tangsi secara sistematik da-

lam pembedahan, yang kini menjadi amalan pakar bedah dunia untuk menjahit hirisan dalam.

Bagi memastikan penemuannya boleh dijadikan rujukan masa depan, beliau menulis 30 jilid ensiklopedia perubatan peribadi, 'al-Tasrif' sebelum ia diterjemah dalam bahasa Latin malah digunakan sebagai manual pembedahan di beberapa sekolah perubatan selama beberapa abad.

Pada 1628, Dr William Harvey dikatakan orang pertama menemukan proses darah manusia beredar apabila menerangkan secara terperinci sistem peredaran darah berlaku. Sedangkan pada abad ke-13, Ibn al-Nafis seorang doktor perubatan Muslim terlebih dulu menemukan kajian berkenaan dan diterjemahkan ke dalam teks Arab, 'Sharh Tashrih al-Quran'.

Cendekiawan Islam hebat, Ibn Sina atau Avicenna menulis ratusan buku sepanjang hidupnya, 43 topik daripadanya adalah perubatan. Bijak pandai yang terkenal pada abad ke-11 ini menasihatkan tidak terus menganduh anggota badan yang patah sebaliknya melaku-

kannya selepas lima hari, mengagumkan apabila langkah itu dijadikan prosedur sedunia pada hari ini.

Di zon kejuruteraan, pendedahan menarik mengenai penghasilan jam, kamera dan penyaman udara menjadi asas kepada teknologi moden beraja menafikan kehebatan masyarakat Barat bermain di fikiran penulis.

Al-Jazari terkenal dengan jam gajah yang direka hasil gabungan elemen tradisi dunia termasuk India (digambarkan melalui gajah), China (naga), Mesir (burung merak) dan Arab (patung berpakaian) dan diterjemahkan ke dalam bentuk teks iaitu 'Book of Knowledge of Ingenious Mechanical Devices' pada 1206.

Selain jam gajah, cendekiawan ini juga bertanggungjawab membina peranti berkuasa air serta sistem engkol dan rod penyambung yang menjadi elemen penting kepada pam dan enjin.

Masjid Selimiye di Edirne, Turki menjadi bukti kehebatan arkitek Muslim, Sinan. Menjawat tugas penting sebagai ketua arkitek Empayar Ottoman, lelaki yang lahir pada 1489 ini berjaya mereka-

dan membina lebih 470 bangunan sepanjang hidup termasuk sekolah, masjid dan bangunan awam berkonsepkan keharmonian antara seni bina serta lanskap.

Bagi bidang astronomi, kehebatan Muslimah, Merriam al-Ijlai yang memilih untuk meneruskan legasi bapa sebagai pelatih kepada pembuat alat kaji bintang terkenal di Baghdad. Akhirnya wanita ini berjaya mencipta sejarah apabila menghasilkan alat kaji bintang di Aleppo, Syria.

Penguasaan dan pengembangan di lautan turut dimulakan nakhoda Muslim, iaitu Laksamana Zheng He di abad ke-15, apabila mengemudikan tujuh pelayaran epik dunia menggunakan kapal kayu terbesar pernah dibina.

Armada berkenaan mampu menampung ratusan anak kapal dan muatan seperti sutera, tembikar dan emas, sekali gus menempuhi tujuh pelayaran memakan masa 28 tahun membolehkan Zheng He mengunjungi negara seluruh Asia, Timur Tengah dan Afrika Timur.

Diibaratkan 'naga berenang', ukuran panjang armada ini mencecah 134 meter berbanding 23 meter ka-

pal dinaiki Christopher Columbus.

Pertembungan dua tamadun mengakibatkan berlaku peminjaman perkataan. Kebanyakan bahasa Inggeris hari ini mempunyai kaitan dengan bahasa Arab, Parsi dan Hindi.

Antaranya, 'cheque' (cek) berasal dari perkataan Arab 'sakk' iaitu perjanjian untuk melunaskan bayaran barangan; 'giraffe' (perkataan Arab, 'zarafa'); 'orange' (perkataan Parsi, 'narang'); 'traffic' (perkataan Arab, 'taraffa'); 'shampoo' (perkataan Hindi, 'champo') dan 'yoghurt' (perkataan Turki, 'yogurt').

Perkara sama berlaku memabitkan sistem nombor moden juga dikenali sebagai angka Arab yang tersebar ke seluruh Eropah bermula abad ke-10. Berbeza bagi cendekiawan Muslim yang memanggil nombor berkenaan sebagai 'angka India' kerana ia dibangunkan menerusi sistem India purba.

Dunia pendidikan merangkumi ilmu sains dan matematik turut diterokai cendekiawan Islam seperti kimia (Jabir ibn Hayyan, al-Razi dan al-Kindi, abad ke-9), trigonometri (al-Kh-

warizmi, al-Battani dan al-Biruni, abad ke-9 hingga 11) dan algebra (al-Khwarizmi dan al-Karaji, abad ke-9).

Sumbangan besar dalam bidang pendidikan turut dilakukan Fatima al-Fihri apabila membelanjakan keayaan bapanya untuk membina masjid dan kompleks perguruan, al-Qarawiyyin di Fez, Maghribi sekali gus menjadi universiti tertua dunia pada 859.

Inisiatif dilakukan pemerintah Islam di Baghdad menubuhkan akademi pengetahuan, 'House of Wisdom' beraja menarik kedatangan pencinta ilmu dan memanfaatkan koleksi buku sains, perubatan dan falsafah.

Berdasarkan pemerhatian penulis, pameran ini berjaya memberi manfaat dan membuka mata pengunjung terutamanya orang Islam mengenai kehebatan masyarakat terdahulu dalam memberi sumbangan untuk kemajuan hari ini.

Selain itu, ia juga berjaya memberi inspirasi dan motivasi kepada pengunjung muda untuk berkecimpung dalam bidang sains, kejuruteraan, astronomi mahupun perubatan kelak.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 10 NOVEMBER 2013 (AHAD)



Laut Bergelora: 3,600 Nelayan Kelantan Dinasihati Tidak Ke Laut

PASIR PUTEH, 10 Nov (Bernama) -- Kira-kira 3,600 nelayan tradisional dan laut dalam di Kelantan dinasihati tidak turun ke laut berikutan keadaan laut yang bergelora dan berbahaya kepada aktiviti menangkap ikan.

Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kelantan (LKIM) Wan Mohd Adnan Wan Ibrahim menasihati mereka supaya mematuhi arahan pihak berkuasa, terutama Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Saya tidak menolak kemungkinan sebilangan kecil, terutama nelayan bot laut, tetap ke laut hari ini... saya berharap mereka segera menghubungi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) jika berlaku kecemasan di samping sentiasa memakai jaket keselamatan," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dengan angin kencang dijangka mencapai kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam manakala ombak setinggi 3.5 meter di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur pada Ahad.

Fenomena itu dijangka berlaku sehingga Selasa ini dan ia berbahaya kepada bot kecil, kegiatan sukan dan rekreasi laut.

-- BERNAMA

Sabah fishermen spared Super Typhoon Haiyan's wrath

KOTA KINABALU: Fishermen here were relieved that Super Typhoon Haiyan, which ravaged the Philippines, did not make much impact in the state.

Most of them were able to return to sea despite an earlier warning by the Malaysian Meteorological Department of severe weather conditions due to the super typhoon.

Kudat Fishermen Association chairman Jais Hassan said the weather in the northern regions was generally calm, except for intermittent rain.

"We are able to go out to sea to

fish. This is a good sign for fishermen," he said when contacted yesterday.

He said that while the weather was gloomy, there was no indication so far that something worse was going to hit the area.

"We hope the effects of this typhoon will not be felt too much here as that will impact our livelihood," he added.

Likewise, Sandakan Fishermen Association chairman Asnaul Gindong said the weather in the area did not show any sign of danger resulting from the super typhoon.

We are on full alert and will take the necessary steps.

— ASNAUL GINDONG

"However, we are on full alert and will take the necessary steps should the situation change for the worse," he said.

Asnaul said the association was relieved that most fishermen were able to go out to sea yesterday

despite a slight drizzle.

Typhoon Haiyan, possibly the strongest typhoon ever to hit land, slammed into central Philippines on Friday, causing massive damage to properties.

Over 100 people were killed and many more injured.

The Category 5 super typhoon is now barrelling out of the Philippines towards Vietnam.

It has weakened to Category 4 after making several landfalls in the Philippines.

However, forecasters said it could strengthen again over the South

China Sea.

Vietnam is now making preparations in anticipation of the typhoon.

Authorities in 15 provinces in Vietnam have started to call back boats and prepare for possible landslides. Nearly 300,000 people were evacuated to safer areas in Da Nang and Quang Nam provinces alone.



**For more stories:
See Pages 33 & 35**

Terengganu sets up more relief centres to deal with floods

MARANG: The number of flood relief centres and frontline bases in Terengganu has been increased as the state prepares for the monsoon.

State deputy Health, Women's Development, Family and Community Committee chairman Mahdi Musa said the centres could accommodate 10,000 more evacuees compared to last year.

"This year, we have set up 437 flood relief centres, which is 40 more than last year.

"There are now 118 frontline bases, which is five more than last year. These centres can accommodate 63,172 people.

"We took heed of what occurred last year when we did not have enough centres to accommodate all flood victims," Mahdi said after inspecting the Welfare Department's supply storage depot at Pulau Kerangga where aid items were kept.

The department has prepared more than 100 types of aid items such as sleeping mats, blankets and toiletries.

The aid items had all been prepared and were ready to be distributed to flood victims, said Mahdi.

The Meteorological Department is expecting five waves of floods in Terengganu this monsoon season, which is expected to end in March.

The first wave, predicted to occur this week, had so far passed without any flooding incident despite days of heavy rain and high tide.

The public can obtain information on the weather, sea conditions and flood warnings via www.met.gov.my.

Typhoon coming over here

DANGEROUS: People advised to stay away from the sea

AVILA GERALDINE
AND KRISTY INUS
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

WINDS of up to 60kph and waves as high as 5.5m could hit several states as Typhoon Haiyan was detected hovering 600km northeast off Kudat yesterday.

No negative reports were received as of yesterday but weather conditions that are dangerous to fishing and coastal activities as well as to ships and offshore platforms can be expected until Wednesday, according to a warning issued by the **Meteorological Department**.

